

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik doktor pakar dan doktor perubatan yang berkhidmat di hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan seluruh Sabah dan nyatakan pecahan penempatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015 terdapat sebanyak 2,366 jawatan Pegawai Perubatan di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM negeri Sabah dengan pengisian seramai 2,230 orang atau 86.9 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 255 orang adalah Pegawai Perubatan Pakar, 1,291 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 684 orang Pegawai Perubatan Siswazah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Pegawai Perubatan Pakar ditempatkan di 8 hospital di negeri Sabah iaitu di Hospital Queen

Elizabeth, Hospital Tawau, Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Queen Elizabeth II, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Hospital Lahad Datu, Hospital Keningau dan Hospital Mesra Bukit Padang, mengikut bidang kepakaran di hospital-hospital terbabit. Sementara itu, Pegawai Perubatan Bukan Pakar ditempatkan di 24 hospital, 9 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), 11 Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) dan 1 Makmal Kesihatan Awam di seluruh negeri Sabah.